

# **SAB<sup>c</sup>AH AHRUF DAN IMPLIKASINYA DI DALAM PENTAFSIRAN AL-QURAN: KAJIAN TERHADAP KHILAF IBDAL HURUF**

Oleh:

**Ahmad Shahir Bin Masdan<sup>1</sup>**  
**Mahmud Lutfi Bin Abd Hadi<sup>2</sup>**  
**Sabri Bin Mohamad<sup>3</sup>**

## **Abstrak**

*Al-Quran adalah kalam Allah S.W.T yang diwahyukan kepada junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w melalui perantaraan Jibril a.s. Penurunannya meliputi ragam-ragam pembacaan tertentu yang dikenali dengan sab<sup>c</sup>ah ahruf ataupun tujuh huruf. Walau bagaimana pun, setiap kategori sab<sup>c</sup>ah ahruf masih belum diperbincangkan dengan lebih terperinci terutama dari sudut implikasi pentafsirannya. Justeru, di dalam kajian ini akan membincangkankan pendapat-pendapat majoriti di kalangan ulama mengenai sab<sup>c</sup>ah ahruf. Kajian akan memfokuskan kepada satu kategori sahaja iaitu ibdal huruf. Untuk itu, penerangan dan konsep ibdal huruf akan diterangkan secara terperinci. Berdasarkan pembahagian ibdal huruf, setiap khilaf dikaji implikasinya dari sudut pentafsiran ayat. Metodologi kajian ini adalah bersifat kualitatif berbentuk analisis kandungan dengan bersumberkan buku dan hasil tulisan ilmiah yang berkaitan. Setiap data dianalisis dengan berpandukan khilaf-khilaf dalam Qira'at sepuluh dan kemudian implikasinya dikaji berpandukan pentafsiran para mufassirin yang muktabar. Hasil kajian mendapati walaupun terdapat perbezaan pentafsiran di dalam sesuatu khilaf, ia tidak mengubah fakta sebenar dalam pentafsiran al-Quran bahkan memperkuat lagi pemahaman dalam sesuatu ayat. Selain itu, setiap perubahan yang berlaku tidak hanya berkait dengan tafsir, tetapi juga mempunyai kaitan dengan ilmu-ilmu lain seperti akhlak, akidah, Fiqh dan lain-lain. Implikasi kajian ini menunjukkan kajian-kajian sebegini wajar diteruskan dan diperkembangkan lagi supaya dapat memberikan kefahaman kepada umat Islam tentang sab<sup>c</sup>ah ahruf khususnya yang melibatkan ibdal huruf. Semoga kajian ini dapat menarik minat masyarakat Islam untuk mengkaji ilmu Qira'at dan kaitannya dengan ilmu-ilmu yang lain.*

Kata kunci: *sab<sup>c</sup>ah ahruf*, implikasi pentafsiran, *ibdal huruf*.

---

<sup>1</sup> Beliau adalah pensyarah di Jabatan Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS.

<sup>2</sup> Beliau adalah pensyarah di Jabatan Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS.

<sup>3</sup> Beliau adalah pensyarah di Jabatan Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, UKM.

## PENDAHULUAN

Fenomena penurunan al-Qur'an sebagai mukjizat terbesar Nabi Muhammad s.a.w dalam bentuk *sab'ah ahruf* ( Tujuh Huruf ), bagaikan suatu magnet yang berupaya menarik minat manusia untuk mengkaji, meneliti kandungan makna-maknanya dan seterusnya mengamalkannya di dalam kehidupan. Kepelbagaian kategori di dalamnya adalah terbentuk daripada *khilaf-khilaf* di dalam *Qira'at* sebagaimana yang telah disepakati oleh para ulama.

Ilmu *Qira'at* bukan sahaja memfokuskan kepada sesuatu bacaan atau sebutan sahaja, bahkan peranannya melangkaui bidang-bidang lain antaranya ilmu tafsir, bahasa, feqah dan sebagainya. Ulama terdahulu antaranya al-Suyuti (911H) telah meletakkan ilmu *Qira'at* sebagai salah satu ilmu yang wajib dikuasai oleh seseorang ahli tafsir untuk mentafsirkan ayat al-Quran. Ini adalah disebabkan wajah-wajah *Qira'at* akan mewujudkan pelbagai ragam pada makna ayat tersebut seterusnya memberikan hukum-hakam yang berbeza. Tokoh-tokoh *mufasssirin* terdahulu seperti al-Tabari(310H) di dalam kitabnya *Jami' al-Bayan 'an Tafsir ay al-Qur'an* dan Abu al-Hayyan al-Andalusi(745H) di dalam *al-Bahr al-Muhit* telah menerangkan wajah-wajah *Qira'at* yang terdapat pada sesuatu ayat. Kemudian akan menjelaskan pentafsiran berdasarkan wajah-wajah *Qira'at* yang dikemukakan.

Kajian ini akan membincangkan mengenai penurunan al-Quran dalam bentuk *sab'ah ahruf* “Tujuh Huruf”, tetapi lebih memfokuskan kepada satu *khilaf* yang ada di dalamnya iaitu *ibdal huruf*. Bagaimanakah jenis dan bentuk-bentuknya? Adakah ianya berperanan di dalam menafsirkan al-Quran? Selain itu juga, kajian akan mendatangkan beberapa contoh di dalam *khilaf ibdal huruf* bersama dengan peranannya di dalam menafsirkan ayat al-Qur'an dengan bersandarkan *Tariq Ibn al-Jazari* ataupun *Qira'at* sepuluh.

## MAKSUD TUJUH HURUF

Penurunan al-Quran dengan “tujuh huruf” (*sab'ah ahruf*) telah mengundang polemik di kalangan para ulama. Polemik ini bermula dengan pengertian *sab'ah ahruf* itu

sendiri dan kaitannya dengan *Mushaf Uthmani*<sup>4</sup> sehinggakan ianya mencecah kepada 40 pendapat ulama<sup>5</sup>. Namun begitu, kebanyakan ulama bersepakat bahawa pendapat Fakhr al-Din al-Razi di dalam kitabnya *al-Lawaih* yang telah direkodkan oleh al-Suyuti<sup>6</sup> adalah antara pendapat yang boleh diterima dan lebih hampir kepada maksud *sab<sup>c</sup> ah ahurf* iaitu:

- a) Perselisihan pada *isim* (nama), sama ada ia *mufrad* atau *jama<sup>c</sup>*. Contohnya firman Allah S.W.T : ( وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمَانَاتِهِمْ )<sup>7</sup>, bacaan adalah dengan *mufrad* ( لِأَمَانَاتِهِمْ ), sementara bacaan lain ialah dengan *jama<sup>c</sup>* ( لِأَمَانَاتِهِمْ ).
- b) Perselisihan pada wajah *i<sup>c</sup>rab*. Contohnya firman Allah S.W.T : ( فَتَلَقَىٰ آدَمَ مِنْ رَبِّهِ كَلِمَاتٍ )<sup>8</sup>, bacaan dengan *nasab* ( آدَمَ ) dan *rafa<sup>c</sup>* ( كَلِمَاتٍ ), sementara bacaan yang lain ialah dengan *rafa<sup>c</sup>* ( آدَمُ ) pada dan *nasab* pada ( كَلِمَاتٍ ).
- c) Perselisihan pada wajah *tasrif*. Contohnya firman Allah S.W.T : ( فَقَالُوا رَبَّنَا بَاعِدْ )<sup>9</sup>, dibaca dengan *nasab* huruf *ba'* pada kalimah ( رَبَّنَا ), pada kalimah ( بَاعِدْ ) *nasab* huruf *ba'* dan tanpa huruf *alif* selepasnya *kasrah* serta bertasydid serta huruf *dal* sukun, *khilaf* kedua ialah dengan bacaan *rafa<sup>c</sup>* huruf *ba'* pada kalimah ( رَبَّنَا ), pada kalimah ( بَاعِدْ ) dikekalkan huruf *alif* selepas huruf *ba'* serta fathah huruf *ayn* dan huruf *dal*, sementara *khilaf* ketiga ialah dengan *nasab* huruf *ba'* pada kalimah ( رَبَّنَا ), pada kalimah ( بَاعِدْ ) dikekalkan huruf *alif* selepas huruf *ba'* serta *kasrah* huruf *ayn* serta sukun huruf *dal*

<sup>4</sup> Dimaksudkan dengan Mushaf yang telah diutuskan oleh Khalifah Saidina Uthman Bin <sup>c</sup>Affan r.a ke negara-negara Islam bagi menggantikan mushaf-mushaf yang sebelumnya. Ianya mengandungi penulisan yang disepakati dan mencakupi wajah-wajah Qira'at, mutawatir sanad penerimaannya dari awal penurunan al-Qur'an sehingga pembentangan terakhir dan tidak ada yang *dinasakkan* bacaannya. Lihat Sya<sup>c</sup>aban Muhammad Ismail, *Al-Qira'at ahkamuha wa Masdaruha*, 1999, cet kedua, Dar al-Salam, Kaherah, hlm 84.

<sup>5</sup> Jalal al-Din <sup>c</sup>Abd al-Rahmān al-Suyuti, *al-Itqan Fi Ulum al-Qur'an*, 1992, Dar al-Hadith, Kaherah, jld 2,hlm 1215.

<sup>6</sup> Jalal al-Din <sup>c</sup>Abd al-Rahmān al-Suyuti, *al-Itqan Fi Ulum al-Qur'an* ,jld 2,hlm 1215..

<sup>6</sup> Al-Qur'an : surah al-Mu'minun ayat 8. Perselisihan bacaannya lihat, <sup>c</sup>Abd al-Fattah al-Qadi, 1981, *Al-Budur al-Zahirah fi al-Qira'at al-<sup>c</sup>Ashr al-Mutawatirah min Tariqay al-Shatibiyyah wa al-Durrah*. Bayrut : Dar al-Kitab al-<sup>c</sup>Arabi, hlm. 217.

<sup>8</sup> Al-Quran, al-Baqarah 2:37. Perselisihan bacaannya lihat, <sup>c</sup>Abd al-Fattah al-Qadi, *Al-Budur al-Zahirah fi al-Qira'at al-<sup>c</sup>Ashr al-Mutawatirah min Tariqay al-Shatibiyyah wa al-Durrah*, hlm. 6.

<sup>9</sup> Al-Quran, Saba' 34:19. Perselisihan bacaannya lihat, *Mushaf Dar al-Sahabah fi al-Qira'at al-Asyr al-Mutawatirah min Tariq al-Shatibiyyah wa al-Durrah*, cet. 2, Tanta : Dar al-Sahabah, hlm. 430.

- d) Perselisihan sama ada *taqdim* (mendahulukan) atau *ta'khir* (mengkemudiankan). Contohnya firman Allah S.W.T : ( *فَيَقْتُلُونَ وَيُقْتَلُونَ* )<sup>10</sup>, bacaannya adalah dengan *taqdim maf'ul* dan *ta'khir fa'il*. Sementara bacaan yang lain ialah bacaan sebaliknya ( *فَيُقْتَلُونَ وَيَقْتُلُونَ* ).
- e) Perselisihan pada *ibdal* (pertukaran huruf). Contohnya firman Allah S.W.T : ( *كَيْفَ نُنشِرُهَا* )<sup>11</sup>, dibaca dengan huruf *zay*, sementara bacaan lain ialah dengan huruf *ra'* ( *كَيْفَ نُنشِرُهَا* ).
- f) Perselisihan sama ada *ithbat* (menambah) atau *hadhaf* (membuang) huruf. Contohnya firman Allah S.W.T : ( *جَنَّاتٍ تَجْرِي تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ* )<sup>12</sup>, dibaca dengan menambah perkataan ( *مِنْ* ) selepas kalimah ( *تَجْرِي* ) menjadi ( *...جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ...* )
- g) Perselisihan pada *lahjah* (loghat bahasa Arab). Contohnya pada kalimah ( *الصَّلَاةُ* ), dibaca dengan sebutan tebal pada huruf lam dan bacaan lain dengan sebutan nipis. Begitu juga kalimah ( *الصُّحَى* ) dibaca dengan *imalah, taqlil* dan *fathah*.

Demikianlah ulama telah menyimpulkan bahawa manhaj-manhaj yang terdapat di dalam ilmu *Qira'at* adalah berdasarkan jenis-jenis *khilaf* yang telah dinyatakan<sup>13</sup>. Walaupun mempunyai ragam pembacaan yang pelbagai, perlu diketahui

<sup>10</sup> Al-Quran, al-Tawbah 9:111. Perselisihan bacaannya lihat, *Mushaf Dar al-Sahabah fi al-Qira'at al-Asyr al-Mutawatirah min Tariq al-Shatibiyyah wa al-Durrah*, hlm. 204.

<sup>11</sup> Al-Quran, al-Baqarah 2:259. Perselisihan bacaannya lihat, ,<sup>c</sup> Abd al-Fattah al-Qadi, *Al-Budur al-Zahirah fi al-Qira'at al-Asyr al-Mutawatirah min Tariqay al-Shatibiyyah wa al-Durrah*. hlm. 43.

<sup>12</sup> Al-Quran, al-Tawbah 9:100. Perselisihan bacaannya lihat, ,<sup>c</sup> Abd al-Fattah al-Qadi, *Al-Budur al-Zahirah fi al-Qira'at al-Asyr al-Mutawatirah min Tariqay al-Shatibiyyah wa al-Durrah*. hlm. 203.

<sup>13</sup> Terdapat juga pendapat yang hampir sama iaitu pendapat *Ibn al-Jazari* berkenaan dengan *sab'ah ahruf*:

- a) Perselisihan pada baris, tanpa merubah makna dan bentuk tulisan (rasm). Contohnya kalimah ( *يُحْسِبُ* ) al-Humazah:3, sebahagian *Qira'at* membaca dengan fathah pada huruf *sin* dan sebahagian yang lain dengan kasrah huruf *sin* ( *يُحْسِبُ* ).
- b) Perselisihan pada baris yang merubah makna, tanpa merubah bentuk tulisan. Contohnya firman Allah s.w.t. :

al-Baqarah:37 { *فَتَلَقَىٰ آدَمُ مِنْ رَبِّهِ كَلِمَاتٍ فَتَابَ عَلَيْهِ* ... }

bahawa cara bacaan tersebut tidak boleh digunakan sesuka hati melainkan perlu berpandukan kepada manhajnya yang tersendiri. Sebagai contoh, bacaan yang diamalkan oleh masyarakat Malaysia ialah dengan mengikut riwayat<sup>14</sup> *Hafs* dan *Asim*<sup>15</sup>. Sudah tentu mempunyai suatu *manhaj* tersendiri yang perlu digunakan semasa membaca al-Quran. Para ulama telah bersepakat bahawa manhaj bacaan yang harus diamalkan semasa membaca al-Quran perlu mengikut *riwayat* yang

---

Sebahagian qiraat membaca dengan rafa' pada (ءادَمْ) dan nasab pada (كَلِمَتٍ), sementara sebahagian yang lain membaca dengan nasab pada (ءادَمْ) dan rafa' pada (كَلِمَتُ).

- c) Perubahan pada huruf dan makna, tanpa merubah bentuk tulisan. Contohnya kalimah (تَتْلُوا) Yunus:61, yang dibaca oleh sebahagian *Qira'at*, tetapi sebahagian yang lain membaca dengan (تَتْلُوا).
- d) perubahan pada huruf dan bentuk tulisan, tanpa merubah makna. Contohnya (الصرط) yang dibaca dengan huruf sad. Sebahagian *Qira'at* baca dengan *sin* dan juga *ishmam* dengan huruf *zay*.
- e) Perubahan pada huruf, bentuk tulisan dan makna. Contohnya (يَأْتَلِي) al-Nur:22 yang dibaca sedemikian oleh sebahagian *Qira'at*, dan dengan (يَأْتَلِي) oleh sebahagian yang lain.
- f) Perselisihan sama ada mendahulukan atau mengkemudiankan. Contohnya firman Allah s.w.t.:

Ali 'Imran:195 { ...وَقَتَلُوا وَقُتِلُوا ... }

sebahagian *Qira'at* membaca dengan mendahulukan *fa'il* atas *maf'ul* dan sebahagian yang lain membaca sebaliknya (وَقَتَلُوا وَقَاتَلُوا).

- g) Perselisihan sama ada menambah atau mengurangkan. Contohnya pada kalimah (وَوَصَّى) al-Baqarah:132, dibaca dengan mengurangkan (membuang huruf *hamzah* antara dua huruf *waw* oleh sebahagian *Qira'at*, dan sebahagian yang lain dengan menambahkannya (وَأَوْصَى).

Lihat *al-Nashr fi al-Qira'at al-'Ashr*, Kaherah, jld 1, 26-27.

<sup>14</sup> Kaedah tertentu yang disepakati yang disandarkan kepada seorang perawi sahaja dan tidak dipengaruhi oleh *manhaj Qira'at* yang lain. Contohnya bacaan pada perkataan (كَفَوًّا) di dalam Surah al-Ikhlash, ayat 4, Hafs dan Asim sahaja yang membaca perkataan tersebut dengan huruf *waw*. Manakala *Qira'at* yang lain dibaca dengan huruf *hamzah* (كَفَوًّا). Lihat *al-Munir Fi Ahkam al-Tajwid*, 2010, Jam'iyyah al-Muhafiz 'ala al-Qur'an al-Karim, Jordan, hlm 255.

<sup>15</sup> Beliau ialah Hafs Bin Sulayman Bin al-Mughirah Bin Abi Dawud al-Asadi al-Kufi, Lahir pada tahun 90 H. Beliau adalah perawi kepada Imam Asim. Wafat pada tahun 180 H. Lihat Sya'ban Muhammad Isma'il, *Al-Qira'at ahkamuha wa Masdaruha*, 1999, cet kedua, Dar al-Salam, Kaherah, hlm 61.

*mutawatir*<sup>16</sup>. Kemudian terdapat juga *riwayat* yang dikategorikan sebagai *mashhur*<sup>17</sup> yang juga harus diamalkan.

## ***IBDAL HURUF***

*Ibdal Huruf* merupakan kategori utama yang telah diklasifikasikan oleh para ulama dalam mengaitkan *khilaf Qira'at* dengan *sab'ah ahruf*. Ianya tidak dinisbahkan secara khusus kepada imam *Qira'at* yang tertentu sahaja kerana ianya diriwayatkan dengan cara bersanad. Perbincangan secara khusus di dalam sesuatu kategori belum pernah dibahasakan secara mendalam oleh para ulama. Oleh kerana itulah, kajian ini sangat diperlukan lebih-lebih lagi peranannya dari sudut pentafsiran al-Quran seterusnya memperkemaskan lagi pemahaman terhadap isi kandungan al-Quran.

## **PENGERTIAN *IBDAL* DARI SEGI BAHASA DAN ISTILAH**

### **Dari Sudut Bahasa**

*Ibdal* ( ابدال ) adalah diambil daripada kata dasar *abdala* ( اَبَدَلَ ) dari sudut bahasa ialah meletakkan sesuatu di tempat sesuatu yang lain<sup>18</sup> ataupun menukarkan sesuatu dengan menjadikan sesuatu yang lain sebagai tukaran, gantian ataupun ubahan yang mana kesemuanya berasal daripada perkataan *badala* ( بَدَلَ ) yang bermaksud mengganti, menukar ataupun mengubah<sup>19</sup>.

---

<sup>16</sup> *Mutawatir* ialah kategori yang paling tinggi di dalam setiap ilmu yang diriwayatkan ataupun disampaikan oleh sekumpulan yang ramai dan tidak mungkin mereka berpakat untuk berdusta tentang apa yang disampaikan, contohnya periwayatan *Qira'at* Tujuh adalah disepakati sebagai *Mutawatir* dengan sebab periwayatan yang sahih oleh kumpulan yang ramai. Lihat Sya'aban Muhammad Ismail, *Al-Qira'at ahkamuha wa Masdaruha*, 1999, cet kedua, Dar al-Salam, Kaherah, hlm 75.

<sup>17</sup> *Mashhur* ialah apa yang sahih dari segi sanadnya dengan sebab perawi-perawi yang <sup>c</sup>adil dan dabit, tidak terkeluar daripada rukun-rukun penerimaan *Qira'at*, diterima oleh para *Qurra'* dan terhindar daripada *shadh* akan tetapi tidak sampai kepada darjat *Mutawatir*. Lihat Jalal al-Din <sup>c</sup>Abd al-Rahman al-Suyuti, *al-Itqan fi <sup>c</sup>Ulum al-Qur'an*, 2004, Dar al-Hadith, Kaherah, jld 1, hlm. 234.

<sup>18</sup> Ibn Manzur, Abu al-Fadl Jamal al-Din Muhammad al-Mukram, *Lisan al-<sup>c</sup>Arab*, 2000, Dar Sader, Bayrut, Lubnan, jld. 2, hlm 39.

<sup>19</sup> Ibn Manzur, hlm 38. Al-Khalil Bin Ahmad al-Farahidi, *Kitab al-<sup>c</sup>Ayn*, Dar al-Kutub al-<sup>c</sup>Ilmiyyah, Bayrut, Lubnan, 2003, jld. 1, hlm. 122. *Al-Munjid*, Dar al-Mashriq, Bayrut, t.t, hlm. 29. *Al-Mu<sup>c</sup>tamad Kamus <sup>c</sup>Arabiyy*, Dar Sader, Bayrut, 2001, hlm. 24. Mahmud Yunus, *Kamus Mahmud Yunus*, Klang Book Centre, 2006, hlm. 29.

### Dari Sudut Istilah Ilmu *Qira'at*

Menggantikan huruf di dalam sesuatu perkataan kepada huruf yang lain. Contohnya *ibdal waw* kepada *alif* pada perkataan ( الصلاة ) , *sad* kepada *sin* pada perkataan ( الصراط ) dan banyak lagi<sup>20</sup>.

Di kalangan ulama Tajwid berpendapat *ibdal* pada huruf yang dimasukkan di dalam sesuatu perkataan, kemudian terdapat kesalahan di dalamnya seperti menukarkan satu huruf kepada huruf lain adalah tidak dibolehkan seperti menukarkan huruf *dad* kepada huruf *za* pada ayat ( وَلَا الضَّالِّينَ ) dalam surah al-Fatihah. Kesalahan ini disebut *lahn al-Jaliy* (kesalahan besar) yang terjadi disebabkan oleh *makhraj* huruf yang berhampiran<sup>21</sup>.

Para ulama juga telah melarang penyebutan *ibdal huruf* yang mengubah huruf yang sebenar di dalam zikir-zikir lebih-lebih lagi al-Quran. Contohnya tidak mengeluarkan sedikit hujung lidah ketika menyebut huruf *dhal* maka akan kedengaran bunyi huruf *zay*. Begitu juga huruf *tha* menjadi bunyi *sin* pada ayat ( إنا اعطيناك الكوثر ). Sebab terjadi bacaan huruf *tha* dibaca dengan *sin* ialah kerana sifat *al-Hams* dan *al-Safir* huruf *Sin* menghilangkan bunyi *tha*<sup>22</sup>.

Manakala *al-huruf* dari sudut istilah ilmu *Qira'at* terbahagi kepada dua iaitu<sup>23</sup>:

- i. Perkataan-perkataan di dalam al-Quran yang mempunyai *khilaf Qira'at*, maka dibaca mengikut wajah-wajahnya di dalam al-Quran.
- ii. *Qira'at* yang dinisbahkan kepada imam-imam *Qira'at*. Contohnya huruf Nafi<sup>c</sup> ialah merujuk kepada *Qira'at Nafi<sup>c</sup>* dan sebagainya.

Apabila dihimpunkan perkataan *ibdal* dan *al-huruf*, maka dapatlah disimpulkan ianya adalah melibatkan pertukaran ataupun penggantian yang melibatkan huruf-huruf tertentu di dalam ragam pembacaan.

<sup>20</sup> Prof. Dr. <sup>c</sup>Abd al-<sup>c</sup>Aliy al-Mas'ul, *Mu'jam Mustalahat 'Ilm al-Qira'at Al-Quraniyyah Wa Ma Yata'allaqu Bihi*, Dar al-Salam, Kaherah, cet. 1, 2007, hlm. 31.

<sup>21</sup> Ahmad Mahmud <sup>c</sup>Abd al-Sami<sup>c</sup> al-Hafiyan, *Ashhar al-Mustalahat Fi Fann al-Ada' Wa 'Ilm al-Qira'at*, Dar al-Kutub al-<sup>c</sup>Ilmiyyah, Bayrut, Lubnan, 2001, cet. 1, hlm. 169.

<sup>22</sup> Ahmad Mahmud <sup>c</sup>Abd al-Sami<sup>c</sup> al-Hafiyan, *Ashhar al-Mustalahat Fi Fann al-Ada' Wa 'Ilm al-Qira'at*, hlm. 169.

<sup>23</sup> <sup>c</sup>Abd al-<sup>c</sup>Aliy al-Mas'ul, *Mu'jam Mustalahat 'Ilm al-Qira'at Al-Quraniyyah Wa Ma Yata'allaqu Bihi*, Dar al-Salam, Kaherah, cet. 1, 2007, hlm. 171-172.

## Pembahagian *Ibdal Huruf*

Dalam menentukan sesuatu *khilaf* yang berlaku itu melibatkan pertukaran huruf, ianya memerlukan rujukan dan kajian terhadap jenis-jenis *khilaf Qira'at*. Di sini penulis membahagikan *khilaf ibdal huruf* kepada beberapa kategori iaitu:

- a. *Ibdal huruf* yang melibatkan sebutan dialek bahasa Arab. Contohnya perkataan ( صراط/الصراط ) di dalam al-Quran. *Khilaf ibdal huruf* yang berlaku ialah pertukaran huruf *sin* ( سراط/السرائ ), huruf *sad* ( صراط/الصراط ) dan sebutan *isymam*(menyebut huruf *zay*).
- b. *Ibdal huruf* yang melibatkan pertukaran bentuk perkataan yang melibatkan *uslub iltifat* iaitu pertukaran *mukhattab* kepada *ghayb* ataupun sebaliknya. Contohnya pertukaran perkataan ( تعملون ) kepada perkataan ( يعملون ).
- c. *Ibdal huruf* yang melibatkan pertukaran satu huruf dalam perkataan. Contohnya pertukaran huruf *ba'* pada perkataan ( كَبيراً ) kepada huruf *tha'* ( كَثِيراً ).
- d. *Ibdal huruf* yang melibatkan pertukaran dua atau tiga huruf dalam perkataan yang sama. Contohnya pertukaran perkataan ( فَتَنَّا بَنِي إِسْرَائِيلَ ) kepada perkataan ( فَتَنَّا بَنِي إِسْرَائِيلَ ).

## Implikasi *Ibdal Huruf* di Dalam Pentafsiran al-Quran

Firman Allah s.w.t:

24 وَإِنَّ مِنْهَا لَمَّا يَلْبِطُ مِنْ خَشْيَةِ اللَّهِ وَمَا اللَّهُ بِغَافِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ

Maksudnya :

“...dan ada juga di antaranya yang jatuh ke bawah kerana takut kepada Allah; sedang Allah tidak sekali-kali lalai daripada apa yang kamu kerjakan”.

---

<sup>24</sup> Al-Qur'an, al-Baqarah 2:74.



Perkataan yang bergaris pada ayat diatas mempunyai dua *khilaf Qira'at* iaitu yang melibatkan pertukaran kata gantinama<sup>25</sup>:

- i. Bacaan Ibn Kathir dengan *ya' al-ghaybah* (يعملون). Pertukaran perkataan berlaku daripada *ta' al-khitab* kepada *ya' al-ghaybah* yang memberi maksud “apa yang mereka kerjakan”.
- ii. Manakala bacaan bagi *Qurra'* yang lain ialah dengan *ta' al-khitab* (تعلمون) memberi maksud “apa yang kamu kerjakan” yang mana ianya merupakan susunan kesinambungan daripada ayat:

ثُمَّ قَسَتْ قُلُوبُكُمْ مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ...<sup>26</sup>

Maksudnya:

“kemudian sesudah itu, hati kamu juga menjadi keras seperti batu...”

Pentafsirannya:

Al-Alusi telah mentafsirkan pada ayat ini dengan menyatakan bahawa ianya adalah suatu ancaman daripada Allah S.W.T yang maha mengawasi setiap perbuatan yang terang dan tersembunyi dan akan memberikan pembalasan di dunia dan di akhirat. *Khilaf* pada perkataan (يعملون) mempunyai kaitan munasabah dengan ayat-ayat selepasnya yang merujuk kepada bentuk *al-ghaybah* ( أن يؤمنوا , بيسمعون ). Manakala *khilaf* kedua iaitu dengan perkataan (تعلمون) mempunyai kaitan munasabah dengan ayat-ayat sebelumnya ( وإذ قتلتم , فادارأتم )<sup>27</sup>.

Abu Hayyan al-Andalusi pula telah mentafsirkan pada khilaf yang pertama iaitu bacaan dengan *ya' al-ghaybah* (يعملون) adalah ditujukan kepada *Bani Isra'il* (orang yahudi). Apabila dilihat pada permulaan ayat ini sebenarnya ianya adalah

---

<sup>25</sup> Muhammad Salim Muhaysin, *al-Hadi Sharh Tayyibah al-Nashr Fi al-Qira'at al-<sup>c</sup>Ashr wa al-Kashf<sup>c</sup>an<sup>c</sup> Ilal al-Qira'at wa Tawjihaha*, t.t, Dar al-Jil, Bayrut, jil. 2, hlm 39.

<sup>26</sup> Muhammad Salim Muhaysin, *al-Hadi Sharh Tayyibah al-Nashr Fi al-Qira'at al-<sup>c</sup>Ashr wa al-Kashf<sup>c</sup>an<sup>c</sup> Ilal al-Qira'at wa Tawjihaha*, hlm 39.

<sup>27</sup> Shihab al-Din al-Sayyid Mahmud al-Alusi al-Baghdadi, *Ruh al-Ma<sup>c</sup>ani fi Tafsir al-Qur'an al-<sup>c</sup>Azim Wa Sab<sup>c</sup> al-Mathani*, t.t, Dar Ihya' al-Turath al-<sup>c</sup>Arabi, Bayrut, Lubnan, jil. 1, hlm. 297-298.

berbentuk *mukhattab* (percakapan kepada orang di hadapan) dengan berpandukan ayat:

ثُمَّ قَسَتْ قُلُوبَكُمْ ...<sup>28</sup>

Akan tetapi perkataan akhir pada ayat ini dipalingkan kepada bentuk *al-ghaybah* (يعملون), seolah-olahnya bukan ditujukan kepada orang yang di hadapan.

Manakala pada *khilaf* yang kedua pula iaitu dengan *ta' al-khitab* (تعلمون), al-Andalusi menyatakan ianya dituju dan disampaikan kepada Rasulullah s.a.w.<sup>29</sup>. Demikian juga al-Alusi berpendapat penggunaan bentuk *al-khitab* adalah sebagai peringatan dan iktibar kepada orang-orang beriman tentang keburukan perangai orang-orang Yahudi<sup>30</sup>. Al-Tabari pula mentafsirkan perkataan (تعلمون) adalah merujuk kepada pendeta-pendeta Yahudi kerana sikap mereka yang mendustakan ayat-ayat Allah S.W.T. maka atas perbuatan mereka itu Allah S.W.T menyatakan apa yang kamu lakukan akan dibalas di akhirat akibat perbuatan di dunia<sup>31</sup>.

Kesimpulannya, kedua-dua *khilaf* di atas adalah mutawatir kerana mempunyai hujah dan maksud tersendiri. Apa yang perlu ditekankan disini ialah pengawasan Allah S.W.T meliputi kesemua makhluk sama ada beriman ataupun tidak dan Allah akan memberikan pembalasan di atas apa yang dikerjakan di atas muka bumi ini. Begitu juga ianya sebagai amaran kepada *Bani Isra'il* tentang sikap buruk mereka kepada Allah S.W.T. Implikasi yang dapat dilihat adalah dari sudut akhlak dan akidah yang melibatkan pengawasan Allah S.W.T kepada sekalian makhlukNya tanpa terlepas sedikit pun.

---

<sup>28</sup> Shihab al-Din al-Sayyid Mahmud al-Alusi al-Baghdadi, *Ruh al-Ma'ani fi Tafsir al-Qur'an al-'Azim Wa Sab' al-Mathani*, hlm. 297-298.

<sup>29</sup> Abu Hayyan al-Andalusi, *Al-Bahr al-Muhit*, hlm. 434

<sup>30</sup> Shihab al-Din al-Sayyid Mahmud al-Alusi al-Baghdadi, *Ruh al-Ma'ani Fi Tafsir al-Quran al-'Azim Wa Sab' al-Mathani*, hlm. 298.

<sup>31</sup> Abu Ja'far Muhammad Bin Jarir al-Tabari, *Jami' al-Bayan 'an Tafsir Ay al-Qur'an*, hlm 243.

Firman Allah s.w.t:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ ط قُلْ فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنْفَعٌ لِلنَّاسِ وَإِثْمُهُمَا أَكْبَرُ مِنْ نَفْعِهِمَا ...<sup>32</sup>

Maksudnya:

“mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) mengenai arak dan judi. katakanlah: "pada keduanya ada dosa besar dan ada pula beberapa manfaat bagi manusia tetapi dosa keduanya lebih besar daripada manfaatnya...”

Perkataan yang bergaris pada ayat di atas mempunyai dua *khilaf Qira'at* yang berbentuk pertukaran satu huruf yang menyebabkan perbezaan maksud iaitu<sup>33</sup>:

- i. Bacaan Hamzah dan al-Kisa'i pada perkataan ini ialah dengan dengan huruf *tha'* iaitu ( اِثْمٌ كَثِيرٌ ). Memberi makna dosa-dosa yang banyak. Diibaratkan orang-orang yang berdosa itu adalah dari kalangan peminum arak dan penjudi.
- ii. Bacaan *Qurra'* yang lain ialah dengan huruf *ba'* ( اِثْمٌ كَبِيرٌ ). Memberi makna dosa yang disebutkan adalah dosa yang besar yang sangat dahsyat dengan mengaitkan ayat selepasnya<sup>34</sup> iaitu :

...وَإِثْمُهُمَا أَكْبَرُ مِنْ نَفْعِهِمَا ...<sup>35</sup>

Pentafsirannya:

Pada *khilaf* yang pertama, al-Qurtubi telah mentafsirkan pada ayat ini dengan *Qira'at* ( اِثْمٌ كَثِيرٌ ) yang mana ianya menunjukkan banyaknya dosa lebih daripada manfaat dan membawa kemudharatan di hari Akhirat. Ianya menyebabkan dosa besar kepada pelakunya selepas diharamkan. Maka manfaat selepas pengharamannya menyebabkan terpelihara diri daripada dosa besar. Hujah yang digunakan untuk menyokong *khilaf*

<sup>32</sup> Al-Qur'an, al-Baqarah 2 :219.

<sup>33</sup> Muhammad Salim Muhaysin, *al-Hadi Sharh Tayyibah al-Nashr Fi al-Qira'at al-<sup>c</sup>Ashr wa al-Kashf<sup>c</sup>an<sup>c</sup> Ilal al-Qira'at wa Tawjihaha*, hlm 79.

<sup>34</sup> Ahmad 'Isa al-Ma<sup>c</sup>sarawy, *Al-Kamil al-Mufasssal Fi al-Qira'at al-Arba<sup>c</sup>ah<sup>c</sup> Ashr*, 2009, Dar al-Imam al-Shatibi, Kaherah, hlm 34.

<sup>35</sup> Al-Quran, al-Baqarah 2:219

ini yang menunjukkan perkaitan banyaknya dosa itu melalui hadith Rasulullah s.a.w.<sup>36</sup>.

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- فِي الْخَمْرِ عَشْرَةَ عَاصِرَهَا وَمُعْتَصِرَهَا وَشَارِبَهَا وَحَامِلَهَا وَالْمَحْمُولَةَ إِلَيْهِ وَسَاقِيَهَا وَبَائِعَهَا وَأَكَلَ ثَمَنَهَا وَالْمُشْتَرِيَ لَهَا وَالْمُشْتَرَاةَ لَهُ<sup>37</sup>

Maksudnya :

Daripada Anas Bin Malik r.a telah berkata bahawa Rasulullah s.a.w telah melaknat sepuluh orang yang terlibat dengan arak iaitu orang yang memerah arak, orang yang diminta arak diperahkan untuknya, orang yang meminumnya, orang yang membawanya, orang yang meminta dibawa arak kepadanya, orang yang memberi minum arak kepada orang lain, orang yang menjual arak, orang yang mendapat hasil daripada arak, orang yang membeli arak dan orang yang meminta dibelikan arak untuknya.

Manakala pentafsiran pada *khilaf* yang kedua, beliau menyebutkan dengan hujah sesungguhnya berjudi dan minum arak itu adalah termasuk antara dosa-dosa besar. Maka disifatkannya sebagai dosa yang paling besar (ibu segala maksiat)<sup>38</sup>.

Kesimpulannya, hasil daripada hujah yang kukuh berdasarkan kedua-dua *khilaf* tadi telah memberikan dua maksud yang saling memperkuat satu sama lain. Pertama merujuk kepada golongan peminum arak dan berjudi itu boleh menimbulkan lebih banyak dosa dengan sebab mereka telah melakukan dosa yang besar. Demikian juga banyaknya dosa yang berlaku dengan mengaitkan golongan yang terlibat dengan arak seperti mana yang telah dijelaskan di dalam hadith yang dinyatakan. Kedua adalah merujuk kepada akibat daripada perbuatan orang-orang yang meminum arak dan berjudi itu menyebabkan mereka tergolong di kalangan orang yang berbuat dosa besar. Implikasi daripada *khilaf* yang dinyatakan tadi dapat menguatkan lagi dalil pengharaman arak dan judi dari sudut ilmu Fiqh.

Firman Allah s.w.t:

---

<sup>36</sup> Abi °Abd Allah Muhammad Bin Ahmad al-Ansari al-Qurtubi, *Al-Jami° Li Ahkam al-Quran*, 1996, cet Dar al-Hadith, Kaherah, hlm 63.

<sup>37</sup> Abu °Isa Muhammad Bin °Isa Bin Sawrah al-Tirmidhi, *Sunan Al-Tirmidhi*, 2009, Dar al-Fajr Li al-Turath, Kaherah, Kitab al-Buyu° °An Rasul Allah s.a.w, Bab al-Nahy °an Yuttakhadha al-Khamr Khala, no 1295, hlm 349. Hadith Hasan Sahih.

<sup>38</sup> Abi °Abd Allah Muhammad Bin Ahmad al-Ansari al-Qurtubi, *Al-Jami° Li Ahkam al-Qur'an*, hlm 63.

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهْلَةٍ فَتُصْحَبُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ

نَدِيمِينَ <sup>39</sup>

Maksudnya :

“Wahai orang-orang yang beriman! jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan”.

Perkataan yang bergaris di dalam ayat di atas mempunyai dua *khilaf* pertukaran beberapa huruf menjadi perkataan yang berlainan tetapi maksud hampir sama iaitu<sup>40</sup>:

- i. Bacaan Hamzah, al-Kisa'i dan Khalaf al-<sup>c</sup>Ashir pada perkataan ini ialah dengan dengan huruf *tha'* dan *ba'* iaitu ( فَتَبَيَّنُوا ) yang mana *Fi' il Mudari'*nya diambil daripada perkataan ( التَّبَيُّت ) yang memberi makna berpegang teguh pada suatu perkara tanpa perlu berganjak.
- ii. Bacaan *Qurra'* yang lain ialah dengan huruf *ya'* dan *nun* ( فَتَبَيَّنُوا ) yang mana *Fi' il Mudari'*nya diambil daripada perkataan ( التَّبَيَّن ) yang memberi makna selidiki dan siasat dengan berhati-hati.

Pentafsirannya:

Abu Hayyan al-Andalusi telah mentafsirkan pada perkataan ( فَتَبَيَّنُوا ) dan ( فَتَبَيَّنُوا ) kedua-duanya merupakan suatu perintah ketetapan supaya jangan menyampaikan sesuatu perkhabaran dengan tanpa usul periksa. Walaubagaimana pun penggunaan dan maksud perkataan adalah berbeza<sup>41</sup>. Menurut Al-Alusi pula, perkataan ( التَّبَيَّن ) memerlukan penjelasan dan penyelidikan di dalam sesuatu penentuan. Manakala ( التَّبَيُّت ) adalah menuntut supaya tetap di dalam satu pendirian sehinggalah keadaan itu jelas situasinya. Maka tidak boleh diterima sesuatu perkhabaran sehinggalah ianya diketahui dan dibuktikan sah bukan mengikut sangkaan sahaja<sup>42</sup>.

<sup>39</sup> Al-Qur'an, al-Hujurat 49:6

<sup>40</sup> Muhammad Salim Muhaysin, *al-Muhadhdhab Fi al-Qira'at al-<sup>c</sup>Ashr Wa Tawjihih Min Tariq Tayyibah al-Nashr*, 2003, Tabac<sup>c</sup> Ala Nafaqah Qita<sup>c</sup> al-Ma<sup>c</sup>ahid al-Azhariyyah, jil.1, hlm. 178.

<sup>41</sup> Abu Hayyan al-Andalusi, *Al-Bahr al-Muhit*, hlm. 342.

<sup>42</sup> Shihab al-Din al-Sayyid Mahmud al-Alusi al-Baghdadi, *Ruh al-Ma<sup>c</sup>ani Fi Tafsir al-Quran al-<sup>c</sup>Azim Wa Sab<sup>c</sup> al-Mathani*, hlm. 145.

Penggunaan perkataan ( التثبت ) di atas adalah bermaksud berpegang teguh dalam suatu keputusan setelah disiasat dan disahkan kebenarannya. Manakala perkataan ( التبين ) pula adalah bermaksud apabila mendapati sesuatu perkhabaran maka siasatlah terlebih dahulu sebelum diterima atau dijatuhkan hukuman<sup>43</sup>. Penggunaan perkataan ( التثبت ) adalah lebih luas penggunaannya daripada perkataan ( التبين ) kerana setiap perkara yang melibatkan ( التبين ) memerlukan ( التثبت ). Tetapi ( التثبت ) pula tidak semestinya memerlukan ( التبين ). Ini menunjukkan perkataan ( التبين ) ( adalah lebih umum daripada perkataan ( التثبت )<sup>44</sup>.

Kesimpulannya, kedua-dua *khilaf* yang dinyatakan mempunyai kepentingan yang tersendiri dalam memahami ayat-ayat al-Quran. Tidak boleh kita mengatakan penggunaan ( التثبت ) lebih tepat daripada ( التبين ) tetapi kedua-duanya adalah saling melengkapi dan kesannya dapat menghasilkan suatu keputusan yang lebih tepat dan benar dalam menerima sesuatu perkhabaran<sup>45</sup>. Implikasi daripada kedua-dua *khilaf* yang dinyatakan, dapat dilihat dari sudut akhlak iaitu sikap masyarakat dengan mudahnya memviralkan sesuatu isu tanpa sebarang periksa. Jika perkara ini tidak dibendung, ditakuti perkara yang disebarkan boleh mengaibkan dan boleh menzalimi orang lain dan akhirnya mengakibatkan ketegangan, ketidak selesaian dan bermacam-macam lagi.

## **PENUTUP**

Sebagaimana yang telah dijelaskan bahawa perselisihan mengenai maksud tujuh huruf ini terlalu luas dan banyak. Tetapi perselisihan tersebut sebenarnya tidaklah terlalu ketara kerana kebanyakan pandangan yang dikemukakan oleh mereka saling berkaitan antara satu sama lain dan saling melengkapi. Usaha Para ulama dalam mengkategorikan maksud *sab'ah ahruf* hanyalah menyingkap maksud yang tersurat

---

<sup>43</sup> Muhammad Ahmad Jamal, *Al-Wujuh al-Balaghiyyah Fi Tawjih al-Qira'at al-Qur'aniyyah al-Mutawatirah*, 2009, Dar al-Furqan, Jordan, hlm. 425-426.

<sup>44</sup> Muhammad Salim Muhaysin, *Al-Qira'at Wa Atharuha Fi 'Ulum al-'Arabiyyah*, 1984, Maktabah al-Kuliyat al-Azhariyyah, jil. 1, hlm. 485.

<sup>45</sup> Muhammad Ahmad Jamal, *Al-Wujuh al-Balaghiyyah Fi Tawjih al-Qira'at al-Qur'aniyyah al-Mutawatirah*, hlm. 427.

dalam perselisihan tersebut, namun hakikatnya masih terdapat banyak lagi maksud yang tersirat di sebalik Tujuh Huruf tersebut yang hanya diketahui oleh Allah s.w.t. Penulis hanya mengemukakan pandangan yang dipegang oleh ramai ulama, selain merasakan bahawa pandangan ini hampir meliputi keseluruhan perselisihan yang terdapat dalam *Qira'at* yang melibatkan *khilaf ibdal huruf*. Namun, masih banyak lagi contoh-contoh kalimah lain di dalam jenis *ibdal huruf* yang memerlukan kajian yang lebih meluas dan mendalam.

Sesungguhnya, tidak dapat dinafikan lagi, *khilaf* yang berbentuk *ibdal huruf* amatlah memainkan peranan yang sangat penting di dalam menafsirkan ayat-ayat al-Quran. Ianya dapat dibuktikan melalui penafsiran para mufassirin seperti al-Tabari, al-Qurtubi, al-Razi, al-Alusi dan ramai lagi. Akan tetapi terdapat juga ulama yang tidak menafsirkan setiap *khilaf ibdal huruf* iaitu dengan memilih satu *khilaf* sahaja. Ini termasuklah ada pendapat ulama yang melebihkan satu *khilaf* melebihi *khilaf* yang lain kerana meyakini maknanya dengan lebih tepat. Apa pun setiap *khilaf* itu tidak pernah menunjukkan ianya saling berlawanan maksud antara satu sama lain, malahan menyempurnakan makna al-Quran itu sendiri.

Perselisihan *Qira'at* yang berlaku dalam bacaan al-Quran adalah merupakansuatu *rukhsah* yang Allah S.W.T berikan kepada seluruh umat Islam, dan penurunan al-Quran dengan tujuh huruf itu telah membuka ruang dan dimensi bagi memperdalami rahsia-rahsia al-Quran sebagaimana implikasi yang telah dijelaskan sebelum ini boleh juga dikaji dari ilmu *nahw*, *sarf*, *Fiqh* dan banyak lagi. Semoga dengan kajian ini dapat dimanfaatkan oleh para peminat dan pengkaji al-Quran seterusnya diamalkan sebagaimana yang telah dikehendaki oleh Allah s.w.t.

## **RUJUKAN**

al-Quran.

<sup>c</sup>Abd Allah Basmeih, *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*, edisi kelapan, 1987, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur.

- Ahmad Khalid Shukri, *al-Munir Fi Ahkam al-Tajwid*, 2010, Jam'iyah al-Muhafiz 'ala al-Qur'an al-Karim, Jordan.
- al-Alusi, Shihab al-Din al-Sayyid Mahmud al-Alusi al-Baghdadi, *Ruh al-Ma'ani Fi Tafsir al-Qur'an al-'Azim Wa Sab' al-Mathani*, t.t, Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, Bayrut, Lubnan.
- al-Andalusi, Abi Hayyan al-Andalusi, *Al-Bahru al-Muhit*, 1993, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Bayrut, Lubnan.
- al-Farahidi, Al-Khalil Bin Ahmad, *Kitab al-'Ayn*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Bayrut, Lubnan, 2003.
- al-Hafiyah, Ahmad Mahmud 'Abd al-Sami', *Ashhar al-Mustalahat Fi Fann al-Ada' Wa 'Ilm al-Qira'at*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Bayrut, Lubnan, 2001.
- Ibn Manzur, Abu al-Fadl Jamal al-Din Muhammad al-Mukram, *Lisan al-'Arab*, 2000, Dar Sader, Bayrut, Lubnan.
- Ibrahim 'Aud, *al-Munjid*, Dar al-Mashriq, Bayrut, t.t.
- al-Jazari, Muhammad bin Muhammad bin 'Ali bin Yusuf, *Al-Nashr fi al-Qira'at al-'Ashr*, t.t, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Bayrut, Lubnan.
- Jamal al-Din Muhammad Sharf, *Mushaf Dar al-Sahabah fi al-Qiraat al-Asyr al-Mutawatirah min Tariq al-Syatibiyyah wa al-Durrah*, cet. 2, Tanta : Dar al-Sahabah.
- al-Ma'sarawy, Ahmad 'Isa, *Al-Kamil al-Mufassal Fi al-Qira'at al-Arba'ah 'Ashar*, 2009, Dar al-Imam al-Shatibi, Kaherah.
- al-Mas'ul, 'Abd al-'Aliy, *Mu'jam Mustalahat 'Ilm al-Qira'at Al-Qur'aniyyah Wa Ma Yata'allaqu Bihi*, Dar al-Salam, Kaherah.
- Al-Mu'tamad Kamus 'Arabiyy*, Dar Sader, Bayrut, 2001.
- Mahmud Yunus, *Kamus Mahmud Yunus*, Klang Book Centre, 2006.
- Muhammad Ahmad Jamal, *Al-Wujuh al-Balaghiyyah Fi Tawjih al-Qira'at al-Qur'aniyyah al-Mutawatirah*, 2009, Dar al-Furqan, Jordan.
- Muhammad Salim Muhaysin, *al-Hadi Sharh Tayyibah al-Nashr Fi al-Qira'at al-'Ashr wa al-Kashf'an 'Ilal al-Qira'at wa Tawjihaha*, t.t, Dar al-Jil, Bayrut.



Muhammad Salim Muhaysin, *al-Muhadhdhab Fi al-Qira'at al-<sup>o</sup>Ashr Wa Tawjihaha Min Tariq Tayyibah al-Nashr*, 2003, Tabā<sup>o</sup> Ala Nafaqah Qita<sup>o</sup> al-Ma<sup>o</sup>ahid al-Azhariyyah.

al-Suyuti, Jalal al-Din <sup>o</sup>Abd al-Rahmān, *al-Itqan Fi Ulum al-Qur'an*, 1992, Dar al-Hadith, Kaheerah.

Sha<sup>o</sup>ban Muhammad Ismail, *Al-Qira'at ahkamuha wa Masdaruha*, 1999, cet kedua, Dar al-Salam, Kaheerah.

al-Tabari, Abu Ja<sup>o</sup>far Muhammad Bin Jarir, *Jami<sup>o</sup> al-Bayan <sup>o</sup>an Tafsir Ay al-Qur'an*, t.t, Maktabah Ibn Taymiah, Kaheerah.

al-Tirmidhi, Abu <sup>o</sup>Isa Muhammad Bin <sup>o</sup>Isa Bin Sawrah, *Sunan Al-Tirmidhi*, 2009, Dar al-Fajr Li al-Turath, Kaheerah.

al-Qadi, <sup>o</sup>Abd al-Fattah, 1981, *Al-Budur al-Zahirah fi al-Qira'at al-<sup>o</sup>Ashr al-Mutawatirah min Tariqay al-Shatibiyyah wa al-Durrah*. Bayrut : Dar al-Kitab al-<sup>o</sup>Arabi.

al-Qurtubi, Abi <sup>o</sup>Abd Allah Muhammad Bin Ahmad al-Ansari, *Al-Jami<sup>o</sup> Li Ahkam al-Qur'an*, 1996, cet Dar al-Hadith, Kaheerah.